

Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pemikir Strategik (Jupiter)

Tarikh : 23 April 2019 (Selasa)
Jam : 8.30pm-11.00pm
Tempat : Wisma Malindo MBCC, Taman Connaught, Cheras, KL

Kehadiran :

1. YB Senator Datuk Seri Hj. Abdul Halim Abdul Samad, Timbalan Speaker Dewan Negara, Malaysia (Tetamu Kehormat)
2. YB Senator Dato' Sri. Ti Lian Ker, Naib Presiden MCA
3. YB Senator Prof. Tan Sri. Ibrahim Shah Abu Shah, Bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) merangkap Pengerusi Yayasan Minda
4. Prof Dato' Sri Dr. Alex Ong, Penganjur Jupiter
5. Dato Seri Haji Ahmad Bhari Abdul Rahman, Pengerusi Veteran UMNO Selangor dan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan
6. Datuk Kamaruddin Ahmad, Peguam Kamarudin & Partners
7. Datuk Salamon Selamat, Pengerusi Institut Pembangunan Minda (InMind)
8. Prof Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi, Pensyarah UCSI
9. Assoc. Prof Ir Dr Jimmy Mok Vee Hong, Timbalan Naib Canselor, UCSI
10. Assoc. Prof Dr Chin Yee Mun, Pengerusi Pusat Tan Cheng Lock, UTAR
11. Borhan Abu Samah, Editor dan Pengarang Utusan Online
12. Jacob Lee, Timbalan Pengerusi INSAP
13. Alex Fong, MCA
14. August Teh, MCA
15. Larry Leong, MCA
16. Zhameir Shafiq, INSAP (Sekretariat)
17. Johnny Yuen, INSAP (Sekretariat)

Tidak Hadir dengan Maaf :

1. Nicole Wong, Ketua Pemuda MCA
 2. Chan Quin Er, Ketua Biro Penerangan MCA
1. Penganjur dan hos program Jupiter, Prof Dato' Sri Dr. Alex Ong, memberi ucapan alu aluan kepada semua yang hadir, terutamanya kepada Timbalan Speaker Dewan Negara, YB Senator Datuk Seri Hj Abdul Halim Abdul Samad, sebagai tetamu kehormat. Beliau menjelaskan bahawa mesyuarat malam ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara UMNO dengan MCA, dan langkah pertama ini akan disusuli dengan pertemuan-pertemuan lain antara MCA-MIC, MIC-UMNO dan seterusnya dengan PAS. Tujuan program Jupiter adalah khas untuk memperkasakan keupayaan pemimpin MCA dalam penggunaan Bahasa Melayu dengan lebih efektif dan efisien.

2. Tetamu kehormat, Timbalan Speaker Dewan Negara, YB Senator Datuk Seri Hj Abdul Halim Abdul Samad melahirkan kegembiraan beliau menghadiri mesyuarat yang mempertemukan UMNO dengan MCA, dua sekutu karib Barisan Nasional yang sebelumnya merupakan Parti Perikatan pada awal kemerdekaan Tanah Melayu dari British. Beliau berharap UMNO-MCA dapat menjalinkan semula hubungan akrab seperti era Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lok dan tokoh tokoh lain supaya dapat menerajui semula negara tercinta, Malaysia dalam masa terdekat. Beliau juga menzahirkan perasaan di mana beliau melihat keadaan negara kini ditimpa malapetaka krisis perkauman kerana tingkah laku DAP yang dikeji kaum Melayu. Beliau turut menjelaskan bahawa masyarakat Melayu sudah lama nampak perbezaan di antara DAP dengan MCA, dan menyatakan UMNO akan untuk berusaha membantu memperkuat sokongan politik untuk MCA.
3. Selepas keberangkatan pulang tetamu kehormat, Timbalan Speaker Dewan Negara, mesyuarat diteruskan dengan ucapan YB Dato' Sri Ti Lian Ker. Beliau melahirkan hasrat untuk membangunkan semula MCA dengan keupayaan baharu dari segi pemantapan kemahiran untuk berbahas secara efektif di dalam Bahasa Melayu. Beliau juga menyatakan MCA sudah terlalu lama memberikan perhatian secara eksklusif terhadap masyarakat Cina sehingga adakalanya mengabaikan aspek untuk menguatkan hubungan silaturahim dengan kaum kaum lain, terutamanya di peringkat akar umbi. Justeru, melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh Prof. Dato Sri Dr. Alex Ong, satu latihan akan dijalankan dalam Bahasa Melayu, khusus kepada para pemimpin muda MCA untuk mentransformasikan semula MCA di semua peringkat dan sebagai persediaan menghadapi Pilihanraya Umum ke-15.
4. **Sesi Pemantapan Speaker MCA**
Tajuk: Apa yang MCA perlu lakukan untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat Malaysia?

i. YB Senator Prof Tan Sri Sri Ibrahim Shah Abu Shah

- MCA perlu kembali ke peringkat akar umbi dan mendekati masyarakat Melayu yang boleh membezakan di antara MCA dan DAP.
- Hubungan generasi muda di antara UMNO-MCA-MIC perlu kembali disemaikan dan mesti bekerjasama walau apa pun masalah yang melanda.

ii. Dato' Seri Haji Ahmad Bhari Abdul Rahman

- Beliau menjelaskan perlunya melihat perbezaan gerak kerja jentera pilihanraya di antara UMNO dan MCA.
- Beliau memberi contoh masyarakat Cina di Kelantan yang tidak prejudis terhadap kepimpinan PAS yang boleh menjadi panduan bagaimana MCA boleh menterjemah dan mengadaptasi hubungan kerjasama UMNO-PAS kepada masyarakat Cina di Malaysia.

iii. Datuk Salomon Selamat

- Beliau menyatakan apa yang berlaku pada PRU14 adalah “*blessing in disguise*” dan UMNO-MCA perlu kembali kepada asas penubuhan Parti Perikatan.
- UMNO-MCA-MIC-PAS perlu mewujudkan kesedaran untuk mempertahankan legasi kepimpinan dan kepentingan pembinaan negara bangsa dalam kalangan pemimpin dan generasi muda khususnya pada hari ini.
- Beliau juga memberi contoh bagaimana kepimpinan PAS menghormati masyarakat bukan Melayu Islam di Kelantan seperti pembinaan patung Buddha terbesar di Kelantan, perlantikan ketua bukan Melayu Islam di mukim-mukim dan sebagainya.

iv. Datuk Kamaruddin Ahmad

- MCA mesti dijenamakan semula pasca PRU14 dan mengelakkan dari terus dilabel sebagai budak suruhan UMNO.
- Beliau menyarankan segala permasalahan adalah lebih baik perlu terus “*direct*” kepada kepimpinan BN.
- MCA perlu mendapatkan kepercayaan masyarakat Cina sekurang-kurangnya 30 peratus.
- MCA mesti mencari, mendekati dan menjuarai isu setempat yang dialami oleh golongan masyarakat Cina yang ditekan seperti isu penjaja pasar malam dan penjaja makanan di kaki lima yang ditindas DBKL.

v. Prof Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi

- MCA mesti mendekati golongan “*civil society*” yang mempunyai hubungan rapat dengan institusi keagamaan dan golongan mahasiswa di universiti memandangkan golongan “*civil society*” merupakan agen perubahan di Malaysia.
- MCA jangan terus menjadi “*office boy*” dan perlu lebih aktif menggerakkan hubungan persefahaman dengan golongan ini.

vi. Borhan Abu Samah

- MCA perlu mengambil peluang atas kesedaran pengguna sosial media yang kelihatan telah mula menyesal dengan Pakatan harapan.
- MCA perlu melahirkan lebih ramai ‘Bosku’. ‘Bosku’ yang dimaksudkan beliau adalah pemimpin yang dekat dengan rakyat seperti Tokmat Hassan.
- MCA perlu lebih dekat dan menghafal isu semasa berkaitan Melayu dan Islam kerana ini lebih mendekatkan pemimpin MCA dengan masyarakat Melayu.

- Pemimpin MCA perlu elakkan penggunaan perkataan “*on the street*” seperti ‘Pakatan Hancing’ dan sebagai pemimpin perlu gunakan perkataan yang lebih berstandar dan berkualiti.

vii. Assoc. Prof Ir Dr Jimmy Mok Vee Hong

- Beliau bersetuju dengan cadangan dari Datuk Kamaruddin Ahmad bahawa MCA perlu mencari dan mendekati golongan masyarakat Cina yang ditindas oleh Kerajaan Pakatan Harapan.
- Pemimpin MCA perlu mengelakkan penggunaan bahasa kasar dan menggunakan ayat serta perkataan yang lebih menunjukkan kualiti sebagai seorang pemimpin.
- Pemimpin MCA dan UMNO mesti bekerjasama dalam memperkasakan penggunaan Bahasa Malaysia dengan sebaiknya dan UMNO perlu bimbing pemimpin MCA sekiranya mereka tidak dapat berkomunikasi dengan fasih dalam Bahasa Melayu.

viii. Assoc. Prof Dr Chin Yee Mun

- Pemimpin MCA mesti berlatih untuk berkomunikasi dengan masyarakat Melayu dengan lenggok dialek yang lebih baik.
- Pemimpin MCA dan UMNO perlu membentuk persefahaman dan membina naratif yang lebih jelas kepada masyarakat Cina mengenai Barisan Nasional bagi memenangi semula kepercayaan mereka terhadap BN.

ix. Alex Fong

- MCA perlu belajar bagaimana untuk menjadi parti politik yang berkesan dan boleh mempelajari “*marketing strategy*” dari syarikat terkemuka tentang bagaimana untuk menjadi lebih efektif dalam memasarkan diri.
- MCA perlu membersihkan nama mereka dalam masyarakat Cina dan teru menyedarkan masyarakat Cina tentang janji-janji manis DAP.
- Pemimpin MCA perlu lebih berani mempertahankan dan mendidik masyarakat Cina tentang apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Pemimpin MCA perlu mendidik masyarakat Cina tentang konsep ‘tidak semua yang kita mahu, kita boleh dapat’ di dalam negara yang bermasyarakat majmuk seperti Malaysia.
- Pemimpin MCA mesti memainkan propaganda bahawa DAP adalah sebuah parti yang tidak menjaga hak kaum Cina malah sibuk menipu orang Melayu.

x. Jacob Lee

- MCA harus memperkasakan perkhidmatan menerusi NGO-NGO proksi MCA kepada komuniti di peringkat akar umbi khususnya masyarakat Cina.
- Berusaha untuk terus relevan dengan isu-isu semasa dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada isu penting.
- Propagandakan isu seperti ekonomi agar masyarakat Cina akan percaya dan bergantung harap kepada MCA bagi membela nasib mereka.
- Kerjasama bersama parti komponen BN dan PAS mesti dimantapkan di samping menghormati satu sama lain.

xi. August Teh

- Sebagai parti politik, MCA perlu membuat lebih banyak “*engagement*” dengan rakyat menerusi platform sukarela dengan penglibatan kerjasama dengan Pemuda dari komponen BN dan PAS dan dengan pihak Kerajaan seperti Polis Di Raja Malaysia dan sebagainya.

xii. Larry Leong

- MCA dan BN perlu lebih agresif menunjukkan kelemahan dan kesalahan kerajaan Pakatan Harapan kepada rakyat.
- Pemimpin MCA perlu mengeluarkan lebih banyak kenyataan berani yang boleh ‘mencederakan’ Kerajaan Pakatan Harapan.

xiii. Zhameir Shafiq

- Ini adalah masa terbaik untuk MCA menyedarkan rakyat Malaysia tentang janji-janji manis yang ditaburkan DAP dan menjelaskan perbezaan antara MCA dan DAP
- Pemimpin MCA mesti lebih peka mengenai sebarang kenyataan atau perlakuan pemimpin DAP dan segera meneutralkan keadaan supaya rakyat dapat melihat MCA sebagai sebuah parti yang tidak rasis berbanding DAP.
- Pemuda MCA boleh menjalinkan lebih banyak aktiviti sukarelawan bersama BANYU untuk lebih mendekati diri dengan masyarakat di peringkat akar umbi.
- MCA perlu melahirkan lebih ramai ikon seperti Nicole Wong bagi menarik perhatian masyarakat terhadap MCA.
- Menggalakkan pemimpin MCA untuk membuat lebih banyak kenyataan atau “*posting*” di media sosial dalam Bahasa Melayu.

xiv. Johnny Yuen

- MCA perlu mentransformasikan lebih ramai pemimpin muda masa hadapan dan juga mentransformasikan kepimpinan di dalam parti itu sendiri.

5. Pengulungan:

- Prof Dato' Sri Dr. Alex Ong memberi kesimpulan mengenai apa yang perlu dilakukan kepimpinan MCA secara ringkas iaitu:
 - ❖ Perlu tingkatkan pasukan media di dalam MCA
 - ❖ Membentuk lebih banyak NGO baru
 - ❖ Menyediakan profil 20 orang calon speaker MCA yang mestilah terdiri dari mereka yang berkelayakan dan yang mempunyai visi untuk menyumbang kepada MCA tanpa mengharapkan sebarang bayaran.
 - ❖ Membentuk pasukan peguam untuk MCA
 - ❖ Menyediakan pasukan IT yang mantap
 - ❖ Mesti memahirkan diri tentang ilmu politik
 - ❖ Mendalami ilmu "*reverse psychology*" dengan lebih berkesan
 - ❖ Membaiki ketirisan dan masalah dalaman di dalam parti
 - ❖ Menghafal isu semasa
 - ❖ Kepimpinan parti perlu melakukan lebih banyak kunjungan hormat terhadap parti komponen BN sepanjang masa
 - ❖ Mengenalpasti *Special Branch (SB)* PDRM di kawasan anda. Beri maklumat dan bertukar maklumat dengan mereka.
 - ❖ Perlu menjadi ikhlas tapi kejam di dalam politik
 - ❖ Perlu mempunyai ilmu mengenai semua parti komponen BN
- YB Senator Prof. Tan Sri. Ibrahim Shah Abu Shah membuat kesimpulan dengan memberi penekanan terhadap peranan generasi muda dengan perlunya mewujudkan "*succession plan*". Selain itu, beliau juga menggariskan bahawa pembinaan personaliti dan mempunyai intelektual kapasiti yang tinggi adalah penting jika mahu menjadi seorang pemimpin masa hadapan dan turut optimis bahawa BN akan kembali memerintah pada PRU15.
- YB Senator Dato' Sri. Ti Lian Ker mengucapkan terima kasih kepada ahli majlis mesyuarat dan bersetuju dengan kepentingan pembinaan personaliti seperti ditekankan YB Senator Prof. Tan Sri. Ibrahim Shah Abu Shah. Beliau juga merancang untuk mengadakan lebih banyak aktiviti interaksi seperti ini untuk melatih kemahiran berbahas pemimpin MCA. Beliau menyifatkan ini merupakan satu permulaan yang baik dan memohon bantuan semua pihak untuk memastikan program ini berjaya.
- Datuk Kamaruddin Ahmad mengesyorkan pihak MCA untuk mendekati diri dengan kumpulan usahawan muda (*Young Entrepreneur Club*) yang bernaung di bawah Malaysia Retailers Association (MRA). Pemuda MCA disarankan untuk mendekati diri, bantu dan boleh mendapatkan sokongan undi mereka pada masa hadapan.

- Prof Dato' Sri Dr. Alex Ong mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat.
- Mesyuarat tamat pada jam 10.35 pm.

Disediakan oleh:

Johnny Yuen

Zhameir Shafiq Mohd Ilias